



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 77
No. 35

1hb September 2024

*TAMBAHAN No. 17
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 26.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

PERATURAN-PERATURAN TAULIAH BAGI PENGAJARAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2024

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA TAULIAH

3. Keanggotaan Jawatankuasa Tauliah
4. Tempoh jawatan
5. Penamatan pelantikan
6. Pembatalan pelantikan

Peraturan

7. Pelantikan pengganti bagi anggota Jawatankuasa
8. Timbalan Pengerusi
9. Rekod Daftar
10. Elaun
11. Fungsi Jawatankuasa
12. Mesyuarat Jawatankuasa

BAHAGIAN IIIKATEGORI TAULIAH, KELAYAKAN, *DSB*

13. Kategori Tauliah
14. Kelayakan pemohon Tauliah
15. Prosedur permohonan Tauliah oleh orang yang memenuhi kelayakan
16. Prosedur permohonan Tauliah oleh orang yang tidak memenuhi kelayakan
17. Prosedur pengeluaran Tauliah
18. Pelantikan Panel Temu Duga
19. Tempoh sah Tauliah
20. Prosedur membarui tempoh sah Tauliah
21. Penyerahan balik Tauliah

BAHAGIAN IV

PENGGANTUNGAN ATAU PENARIKAN BALIK TAULIAH

22. Kuasa Jawatankuasa untuk menggantung atau menarik balik Tauliah
23. Panel Aduan dan Siasatan
24. Aduan
25. Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan
26. Siasatan
27. Penalti
28. Keputusan Jawatankuasa
29. Rayuan
30. Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan
31. Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan
32. Kerahsiaan

Peraturan

33. Penggantungan atau penarikan balik Tauliah atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan
34. Kesan penggantungan dan penarikan balik Tauliah

BAHAGIAN V

PENGECCUALIAN

35. Permohonan pengecualian
36. Pengecualian daripada Peraturan-Peraturan

BAHAGIAN VI

KEWAJIPAN PEMEGANG TAULIAH DAN ORANG YANG MENDAPAT PENGECCUALIAN

37. Kewajipan pemegang Tauliah

BAHAGIAN VII

AM

38. Pembatalan
39. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

PERATURAN-PERATURAN Tauliah bagi Pengajaran Agama Islam
(NEGERI SELANGOR) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 118(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1/2003*], Majlis Agama Islam Selangor membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Tauliah bagi Pengajaran Agama Islam (Negeri Selangor) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2024.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1/2003*];

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Tauliah yang dilantik di bawah subseksyen 118(1) Enakmen;

“Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan 24(2);

“Jawatankuasa Rayuan” ertinya jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis di bawah subseksyen 118(3C) Enakmen;

“mengajar” ertinya menyampaikan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan agama Islam kepada orang awam melalui apa-apa cara tetapi tidak termasuk penyampaian khutbah;

“Panel Aduan dan Siasatan” ertinya panel yang dilantik di bawah subperaturan 23(1);

“Panel Temu Duga” ertinya panel yang dilantik di bawah subperaturan 18(1);

“Pemegang Tauliah” ertinya mana-mana orang yang diluluskan dan yang kepadanya dikeluarkan apa-apa Tauliah di bawah peraturan 13;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Tauliah yang dilantik di bawah subseksyen 118(1) Enakmen;

“premis” termasuklah—

- (a) mana-mana tanah, bangunan atau bahagian daripada bangunan;
- (b) mana-mana tempat sama ada terbuka atau tertutup;
- (c) mana-mana kenderaan, kapal atau kapal terbang;
- (d) mana-mana pemasangan atas tanah, luar pesisir, sama ada di dasar atau terapung di atas air; atau
- (e) mana-mana struktur alih atau tak alih;

“Rekod Daftar” ertinya suatu daftar sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 9;

“Setiausaha” ertinya setiausaha Jawatankuasa yang dilantik di bawah subperaturan 3(3);

“Tauliah” ertinya suatu perakuan kebenaran untuk mengajar yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa di bawah peraturan 13; dan

“warganegara” ertinya seseorang warganegara Malaysia.

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA TAULIAH

Keanggotaan Jawatankuasa Tauliah

3. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada—

- (a) Mufti sebagai Pengerusi;
- (b) Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (d) Ketua Polis Negeri atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (e) Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau wakilnya yang diberi kuasa; dan
- (f) tiga orang lain yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai, yang dilantik oleh Majlis.

(2) Jika pada bila-bila masa orang yang memegang jawatan yang disebut dalam perenggan (1)(c) dan (d) ialah orang bukan Islam, Majlis hendaklah melantik orang Islam dari Jabatan yang sama menjadi anggota menggantikan orang bukan Islam itu.

(3) Majlis boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan layak dan sesuai sebagai Setiausaha bagi Jawatankuasa.

(4) Setiausaha berhak menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak mengundi.

Tempoh jawatan

4. Seseorang anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(f) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan layak dilantik semula.

Penamatan pelantikan

5. Pelantikan anggota Jawatankuasa di bawah perenggan 3(1)(f) hendaklah tamat—

- (a) apabila dia mati;
- (b) apabila tamat tempoh pelantikannya;
- (c) jika dia meletakkan jawatannya melalui surat yang dialamatkan kepada Majlis melalui Pengerusi Majlis; atau
- (d) jika dia tidak berada di Malaysia, selama tempoh yang melebihi tiga bulan tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi.

Pembatalan pelantikan

6. (1) Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(f) jika—

- (a) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Jawatankuasa atau sebaliknya, memburukkan nama Majlis atau Jawatankuasa;
- (b) dia telah menjadi tidak berupaya untuk menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai anggota Jawatankuasa;
- (c) tanpa apa-apa alasan yang mencukupi pada pendapat Pengerusi, dia telah tidak menghadiri tiga mesyuarat secara berturut-turut;

- (d) dia telah bertindak bertentangan dengan kepentingan Majlis atau Jawatankuasa;
- (e) dia diisytiharkan bankrap; atau
- (f) dia telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah dalam mana-mana mahkamah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Majlis boleh, mengikut budi bicaranya, membatalkan pelantikan anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(f) pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

Pelantikan pengganti bagi anggota Jawatankuasa

7. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk mengisi kekosongan anggota Jawatankuasa yang pelantikannya ditamatkan atau dibatalkan di bawah peraturan 5 atau 6.

(2) Seseorang yang dilantik di bawah subperaturan (1) hendaklah memegang jawatannya hanya selama baki tempoh pelantikan anggota Jawatankuasa yang digantinya itu.

Timbalan Pengerusi

8. Jika Pengerusi, atas apa-apa sebab tidak dapat melaksanakan fungsi Pengerusi, atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah menjalankan fungsi Pengerusi.

Rekod Daftar

9. Setiausaha hendaklah menyimpan suatu Rekod Daftar sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan ini, dan tiap-tiap perkara berhubung dengan Tauliah hendaklah direkodkan dengan sewajarnya dalam Rekod Daftar itu.

Elaun

10. Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan tiap-tiap anggota Jawatankuasa hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Fungsi Jawatankuasa

11. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) menetapkan apa-apa bentuk penilaian terhadap mana-mana orang yang memohon Tauliah di bawah Peraturan-Peraturan ini;

- (b) menetapkan apa-apa syarat semasa sesuatu Tauliah dikeluarkan;
- (c) meluluskan dan mengeluarkan apa-apa Tauliah sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan 13;
- (d) mengeluarkan apa-apa arahan, larangan atau perintah kepada mana-mana Pemegang Tauliah;
- (e) menggantung atau menarik balik mana-mana Tauliah yang telah dikeluarkan;
- (f) menasihati dan membuat syor kepada Majlis mengenai segala perkara yang berkaitan dengan Tauliah;
- (g) mengambil tindakan yang sesuai terhadap Pemegang Tauliah bagi apa-apa salah laku atau pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini; dan
- (h) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang berhubungan atau bersampingan dengan fungsi Jawatankuasa di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Mesyuarat Jawatankuasa

12. (1) Pengerusi, atau jika Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat Jawatankuasa.

(2) Lima orang anggota Jawatankuasa hendaklah membentuk kuorum pada mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Pengerusi hendaklah menentukan tertib perkara yang dimesyuaratkan.

(4) Pengerusi boleh menentukan tertib anggota Jawatankuasa yang hendak bercakap dalam mesyuarat dan boleh pada bila-bila masa menghendaki mana-mana anggota Jawatankuasa berhenti daripada bercakap dalam mesyuarat.

(5) Segala keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diambil secara syura.

(6) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Jawatankuasa untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa jika perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat memerlukan kehadiran orang itu.

(7) Seseorang yang diundang di bawah subperaturan (6) berhak mengambil bahagian dalam perbincangan Jawatankuasa tetapi tidak boleh mengundi pada mesyuarat itu.

(8) Jawatankuasa boleh, tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, memutuskan semua soalan berkaitan dengan prosedur dan amalannya sendiri.

BAHAGIAN III

KATEGORI TAULIAH, KELAYAKAN, *DSB.***Kategori Tauliah**

13. (1) Jawatankuasa boleh, atas permohonan mana-mana orang, meluluskan dan mengeluarkan suatu Tauliah berdasarkan satu atau lebih daripada kategori Tauliah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika Jawatankuasa meluluskan pengeluaran Tauliah bagi kategori M1 kepada mana-mana orang, Jawatankuasa juga boleh mengeluarkan Tauliah bagi kategori M3 kepada orang itu.

(3) Pemegang Tauliah hanya boleh mengajar mengikut kategori Tauliah yang dinyatakan dalam perakuan Tauliah yang dikeluarkan di bawah subperaturan 17(11).

(4) Pemegang Tauliah yang telah mendapat Tauliah di bawah mana-mana kategori Tauliah boleh mengemukakan permohonan bagi kategori Tauliah tambahan mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah peraturan 15.

Kelayakan pemohon Tauliah

14. (1) Mana-mana orang boleh memohon bagi apa-apa kategori Tauliah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, jika dia memenuhi kelayakan yang berikut:

- (a) warganegara;
- (b) beragama Islam mengikut pegangan Ahli Sunah Waljamaah;
- (c) berumur 18 tahun dan ke atas;
- (d) mempunyai kelulusan dalam pengajian Islam sekurang-kurangnya pada peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia atau yang setaraf dengannya atau pada peringkat sijil yang diperakui oleh Jawatankuasa;
- (e) bermastautin dalam Negeri Selangor;
- (f) tidak memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; dan
- (g) bukan anggota Dewan Negara, Dewan Rakyat atau Dewan Negeri.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(e), “bermastautin” ertinya menetap di mana-mana kawasan dalam Negeri Selangor selama tempoh tidak kurang daripada empat bulan.

(3) Tertakluk kepada peraturan 16, Jawatankuasa boleh mengecualikan kelayakan di bawah perenggan (1)(a), (c), (d) atau (e) jika difikirkannya wajar dan suai manfaat untuk berbuat demikian.

Prosedur permohonan Tauliah oleh orang yang memenuhi kelayakan

15. (1) Mana-mana orang yang memenuhi kelayakan dan ingin mendapat suatu Tauliah hendaklah membuat permohonan kepada Jawatankuasa melalui apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

- (a) satu gambar terkini berukuran pasport dan salinan dokumen pengenalan diri pemohon;
- (b) salinan diakui sah sijil berkaitan dengan kelayakan pemohon di bawah perenggan 14(1)(d) dan apa-apa dokumen sokongan yang berkaitan; dan
- (c) fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Prosedur permohonan Tauliah oleh orang yang tidak memenuhi kelayakan

16. (1) Mana-mana orang yang tidak memenuhi kelayakan di bawah perenggan 14(1)(a), (c), (d) atau (e) yang ingin mendapat suatu Tauliah hendaklah membuat permohonan kepada Jawatankuasa melalui apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

- (a) satu gambar terkini berukuran pasport dan salinan dokumen pengenalan diri pemohon;
- (b) salinan diakui sah sijil berkaitan dengan kelayakan pemohon di bawah perenggan 14(1)(d) atau apa-apa dokumen atau keterangan berhubung dengan kemahiran atau pengetahuannya tentang agama Islam, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (c) fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Prosedur pengeluaran Tauliah

17. (1) Setelah menerima permohonan di bawah peraturan 15 atau 16, Setiausaha hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah menyebabkan suatu ujian dilaksanakan ke atas pemohon itu.

(2) Jika—

- (a) pemohon itu gagal ujian, Jawatankuasa hendaklah menolak permohonan itu dan keputusan itu hendaklah dimaklumkan kepada pemohon; atau

-
- (b) pemohon itu lulus ujian, Setiausaha hendaklah mengeluarkan surat panggilan temu duga kepada pemohon.
- (3) Suatu temu duga hendaklah dijalankan ke atas pemohon oleh sekurang-kurangnya dua orang anggota Panel Temu Duga yang dilantik oleh Jawatankuasa.
- (4) Panel Temu Duga hendaklah mengemukakan syor kepada Jawatankuasa melalui Setiausaha sama ada suatu Tauliah di bawah peraturan 13 boleh dikeluarkan kepada pemohon itu.
- (5) Panel Temu Duga boleh mengesyorkan kepada Jawatankuasa untuk tidak mengeluarkan Tauliah jika, pada pendapat Panel Temu Duga, pemohon itu—
- (a) mempunyai kecenderungan kepada pegangan yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah;
 - (b) tidak berakhlak mulia; atau
 - (c) tidak sesuai atau tidak layak untuk mengajar.
- (6) Setiausaha hendaklah—
- (a) mengemukakan syor Panel Temu Duga di bawah subperaturan (4) kepada Jawatankuasa; dan
 - (b) mendapatkan laporan rekod jenayah pemohon jika Panel Temu Duga mengesyorkan suatu Tauliah boleh dikeluarkan kepada pemohon itu.
- (7) Jawatankuasa boleh, setelah mempertimbangkan syor Panel Temu Duga,—
- (a) meluluskan permohonan itu dan menetapkan tempoh sah Tauliah tertakluk kepada pengesahan bahawa pemohon itu tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
 - (b) menolak permohonan itu; atau
 - (c) mengarahkan pemohon menjalani temu duga kedua, jika Jawatankuasa mendapati adalah wajar untuk berbuat demikian.
- (8) Jawatankuasa hendaklah menolak permohonan itu jika Panel Temu Duga mengesyorkan kepada Jawatankuasa untuk menolak permohonan itu selepas temu duga kedua di bawah perenggan (7)(c).
- (9) Setiausaha hendaklah memaklumkan keputusan Jawatankuasa di bawah peraturan ini kepada pemohon.
- (10) Apa-apa keputusan Jawatankuasa di bawah peraturan ini hendaklah direkodkan dalam Rekod Daftar.

(11) Setiausaha hendaklah mengeluarkan apa-apa bentuk perakuan Tauliah menurut keputusan Jawatankuasa di bawah peraturan ini, setelah dibayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(12) Jawatankuasa boleh menetapkan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu bagi mana-mana permohonan yang diluluskan.

(13) Mana-mana pemohon yang permohonannya ditolak oleh Jawatankuasa di bawah peraturan ini, boleh membuat permohonan baharu dalam lat tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

Pelantikan Panel Temu Duga

18. (1) Bagi maksud menjalankan temu duga di bawah peraturan 17, Jawatankuasa boleh melantik mana-mana orang yang difikirkannya layak dan sesuai sebagai anggota Panel Temu Duga.

(2) Pelantikan anggota Panel Temu Duga hendaklah tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak dilantik semula.

(3) Jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Panel Temu Duga.

(4) Setiap Panel Temu Duga yang dilantik di bawah peraturan ini hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Tempoh sah Tauliah

19. (1) Jawatankuasa mempunyai budi bicara untuk mengeluarkan sesuatu Tauliah tidak melebihi lima tahun berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan melainkan jika digantung atau ditamatkan lebih awal.

(2) Jika kelulusan Tauliah dikeluarkan pada—

(a) 1 Januari hingga 30 Jun dalam sesuatu tahun tertentu, tempoh Tauliah hendaklah tamat pada 31 Disember; atau

(b) 1 Julai hingga 31 Disember dalam sesuatu tahun tertentu, tempoh Tauliah hendaklah tamat pada 30 Jun.

(3) Sesuatu Tauliah hendaklah tamat apabila—

(a) Pemegang Tauliah mati;

(b) tempoh Tauliah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa berakhir;

(c) Pemegang Tauliah menyerahkan Tauliah di bawah peraturan 21;

(d) Pemegang Tauliah tidak lagi memiliki kelayakan yang dinyatakan di bawah peraturan 14; atau

(e) Jawatankuasa menarik balik Tauliah di bawah peraturan 22.

Prosedur membaharui tempoh sah Tauliah

20. (1) Seseorang Pemegang Tauliah boleh membuat permohonan untuk membaharui tempoh sah Tauliah melalui borang yang ditetapkan oleh Jawatankuasa dan setelah membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Jawatankuasa hendaklah, setelah menerima permohonan di bawah subperaturan (1), mempertimbangkan permohonan itu dan membuat keputusan sama ada meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Permohonan bagi membaharui tempoh sah Tauliah hendaklah dibuat sebelum tiga bulan dari tarikh tamat tempoh sah Tauliah.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), Jawatankuasa boleh meluluskan permohonan membaharui tempoh sah Tauliah, dengan syarat bahawa permohonan itu dibuat sebelum tamat tempoh sah Tauliah.

(5) Jika Jawatankuasa meluluskan permohonan di bawah subperaturan (2) dan (4), Jawatankuasa hendaklah menetapkan tempoh sah Tauliah.

(6) Jika permohonan itu dikemukakan selepas tamat tempoh sah Tauliah, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu permohonan yang baharu dan hendaklah mengikut tatacara permohonan di bawah peraturan 15.

(7) Setiausaha hendaklah memaklumkan keputusan Jawatankuasa di bawah peraturan ini kepada pemohon.

(8) Setiausaha hendaklah mengeluarkan apa-apa bentuk perakuan Tauliah bagi membaharui tempoh sah Tauliah setelah dibayar fi yang ditetapkan sebagaimana dalam Jadual Kedua.

Penyerahan balik Tauliah

21. (1) Seseorang Pemegang Tauliah yang tauliahnya masih berkuat kuasa boleh menyerahkan balik Tauliah yang telah dikeluarkan bagi dirinya.

(2) Penyerahan balik Tauliah di bawah subperaturan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa melalui notis bertulis yang dialamatkan kepada Pengerusi.

(3) Tauliah yang dikeluarkan kepada mana-mana pemohon hendaklah terhenti berkuat kuasa pada tarikh notis bertulis yang dibuat di bawah subperaturan (2).

(4) Penamatan di bawah subperaturan (3) hendaklah direkodkan dalam Rekod Daftar.

BAHAGIAN IV

PENGANTUNGAN ATAU PENARIKAN BALIK TAULIAH

Kuasa Jawatankuasa untuk menggantung atau menarik balik Tauliah

22. Jawatankuasa boleh menggantung atau menarik balik sesuatu Tauliah yang dikeluarkan kepada Pemegang Tauliah, jika Jawatankuasa mendapati bahawa—

- (a) Pemegang Tauliah telah melanggar atau tidak mematuhi apa-apa syarat yang dinyatakan dalam Tauliah;
- (b) Pemegang Tauliah bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan—
 - (i) titah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sifat Baginda sebagai Ketua Agama Islam;
 - (ii) perintah atau arahan Majlis atau Jawatankuasa; atau
 - (iii) fatwa;
- (c) Pemegang Tauliah memberi tafsiran atau mengajar sesuatu perkara yang tidak tepat, mengelirukan atau menyeleweng daripada ajaran agama Islam yang sebenar mengikut pegangan Ahli Sunah Waljamaah;
- (d) Pemegang Tauliah telah menyampaikan sesuatu perkara yang mempunyai kecenderungan untuk—
 - (i) mendatangkan perasaan benci atau penghinaan kepada atau membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Yang di-Pertuan Agong, mana-mana Raja sebagai Ketua agama Islam sesuatu Negeri, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri; atau
 - (ii) mengembangkan perasaan buruk sangka dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk Malaysia;
- (e) Pemegang Tauliah tidak mematuhi apa-apa perintah, arahan atau larangan yang dikeluarkan oleh Majlis atau Jawatankuasa;
- (f) Pemegang Tauliah melakukan perbuatan yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama baik agama Islam, Majlis atau institusi Islam;
- (g) Pemegang Tauliah melakukan apa-apa tindakan yang boleh memudaratkan ketenteraman, perpaduan dan keharmonian mana-mana kaum atau golongan penduduk di Malaysia;
- (h) Pemegang Tauliah menyentuh isu politik kepartian semasa mengajar; atau
- (i) Pemegang Tauliah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah.

Panel Aduan dan Siasatan

23. (1) Bagi maksud menjalankan siasatan di bawah Bahagian ini, Jawatankuasa boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan layak dan sesuai sebagai anggota Panel Aduan dan Siasatan.

(2) Pelantikan anggota Panel Aduan dan Siasatan hendaklah tidak melebihi tiga tahun dan layak dilantik semula.

(3) Jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Panel Aduan dan Siasatan.

(4) Setiap Panel Aduan dan Siasatan yang dilantik di bawah peraturan ini hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Aduan

24. (1) Mana-mana orang boleh membuat aduan bertulis berhubung dengan apa-apa salah laku Pemegang Tauliah melalui apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

(2) Setelah menerima aduan di bawah subperaturan (1), Pengerusi hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan dan mengemukakan aduan itu kepada Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan itu.

Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan

25. (1) Setiap Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan hendaklah terdiri daripada—

(a) seorang anggota Jawatankuasa sebagai pengerusi; dan

(b) dua orang anggota Panel Aduan dan Siasatan.

(2) Setiausaha hendaklah mengeluarkan surat pelantikan kepada anggota Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(3) Jika mana-mana anggota Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan mempunyai apa-apa kepentingan dalam siasatan itu, Pengerusi hendaklah melantik anggota lain sebagai ganti kepada anggota itu.

(4) Setiap Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan hendaklah menjalankan siasatan mengikut tarikh, tempat dan masa yang ditetapkan oleh pengerusi Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan itu.

(5) Setiap anggota Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan yang dilantik di bawah subperaturan (2) hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Siasatan

26. (1) Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan hendaklah dengan secepat yang semunasabahnya mungkin meneliti setiap aduan yang dikemukakan dan menolak aduan itu jika aduan itu—

- (a) tidak lengkap;
- (b) tidak berasas;
- (c) berniat jahat;
- (d) berbentuk ugutan atau ancaman; atau
- (e) menggunakan bahasa kesat dan lucu.

(2) Penolakan aduan oleh Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan hendaklah dimaklumkan kepada Jawatankuasa.

(3) Jika Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan berpandangan bahawa aduan itu tidak termasuk di bawah subperaturan (1), Setiausaha hendaklah—

- (a) mengemukakan maklumat berkenaan dengan salah laku yang dikatakan telah dilakukan oleh Pemegang Tauliah; dan
- (b) mengeluarkan suatu notis bertulis kepada Pemegang Tauliah yang diadakan itu yang menghendaki Pemegang Tauliah itu mengemukakan penjelasan bertulis berhubung dengan aduan itu.

(4) Pemegang Tauliah yang diadakan itu, selepas menerima notis di bawah perenggan (3)(b) hendaklah mengemukakan, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis itu diterima, penjelasan bertulis yang mengandungi alasan yang padanya dia bergantung untuk melepaskan dirinya daripada aduan itu.

(5) Jika Pemegang Tauliah yang diadakan itu memberikan penjelasan bertulisnya kepada Setiausaha sebagaimana yang diminta di bawah subperaturan (4), Setiausaha hendaklah mengemukakan aduan dan penjelasan itu kepada Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan.

(6) Jika Pemegang Tauliah yang diadakan itu tidak memberikan penjelasan bertulisnya kepada Setiausaha sebagaimana yang diminta di bawah subperaturan (4), Setiausaha hendaklah memaklumkan perkara itu kepada Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan.

(7) Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan dalam siasatannya—

- (a) hendaklah memanggil Pemegang Tauliah yang diadu untuk hadir dan memberikan penjelasan berhubung dengan aduan terhadapnya; dan

(b) boleh mengeluarkan arahan untuk menghendaki mana-mana—

- (i) rekod, dokumen, gambar atau apa-apa bentuk dokumen bertulis atau audio visual yang ada kaitan dengan aduan itu untuk diperiksa oleh Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan; dan
- (ii) orang lain yang pada pendapat Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan perlu untuk hadir dan memberikan keterangan berhubung dengan aduan itu.

(8) Jika Pemegang Tauliah yang diadakan itu tidak hadir pada masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan di bawah perenggan (7)(a), Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan hendaklah meneruskan siasatan mengikut perenggan (7)(b).

(9) Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan yang membuat sesuatu siasatan hendaklah mengemukakan kepada Jawatankuasa—

- (a) suatu laporan siasatan terhadap aduan itu;
- (b) dapattannya sama ada Pemegang Tauliah itu telah melakukan salah laku atau tidak melakukan salah laku seperti yang diadakan; dan
- (c) syor tindakan sama ada menggantung atau menarik balik Tauliah, jika dalam dapattannya, Pemegang Tauliah itu melakukan salah laku.

(10) Jawatankuasa boleh menggantung Tauliah yang dikeluarkan kepada mana-mana Pemegang Tauliah yang diadu sementara menunggu keputusan Jawatankuasa terhadap aduan itu diputuskan.

(11) Bagi maksud peraturan ini, “hadir” termasuklah kehadiran oleh mana-mana orang di tempat atau cara yang ditetapkan oleh Setiausaha.

Penalti

27. Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan di bawah subperaturan 26(7) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Keputusan Jawatankuasa

28. (1) Selepas menerima dan menimbangkan dokumen siasatan di bawah subperaturan 26(9), Jawatankuasa boleh membuat suatu keputusan yang mengesahkan atau menolak dapatan atau syor Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan itu dan jika Jawatankuasa menolak dapatan atau syor Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan, Jawatankuasa hendaklah merekodkan alasan bagi penolakan itu dalam Rekod Daftar.

(2) Jawatankuasa boleh, dalam hal keadaan yang sesuai, membuat keputusan yang berbeza daripada syor Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan atau mengarahkan aduan itu dirujuk kepada suatu Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan yang lain bagi maksud siasatan semula.

(3) Perenggan 26(3)(b), subperaturan 26(4), 26(5), 26(6), 26(7), 26(8), 26(9) dan 26(10) adalah terpakai bagi pelaksanaan siasatan semula di bawah subperaturan (2).

(4) Setiausaha hendaklah memaklumkan keputusan Jawatankuasa di bawah peraturan ini kepada mana-mana Pemegang Tauliah yang diadu itu.

Rayuan

29. (1) Mana-mana Pemegang Tauliah yang terkilang dengan keputusan Jawatankuasa di bawah subperaturan 28(1) boleh merayu kepada Jawatankuasa Rayuan dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan Jawatankuasa tersebut disampaikan kepadanya.

(2) Rayuan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat melalui suatu pernyataan bertulis kepada Setiausaha yang mengandungi—

(a) nama dan alamat perayu; dan

(b) alasan bagi rayuan itu.

(3) Setiausaha hendaklah setelah menerima rayuan di bawah subperaturan (2), menyediakan suatu laporan yang mengandungi keputusan Jawatankuasa termasuklah alasan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa.

(4) Laporan yang disediakan di bawah subperaturan (3) hendaklah diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Rayuan.

Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan

30. (1) Majlis hendaklah melantik anggota Jawatankuasa Rayuan yang terdiri daripada—

(a) seorang anggota Majlis sebagai pengerusi;

(b) seorang anggota Majlis sebagai ahli; dan

(c) Ketua Hakim Syarie atau pegawai lain yang paling kanan selepasnya dari Jabatan yang sama.

(2) Majlis hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai sebagai setiausaha Jawatankuasa Rayuan.

(3) Keputusan Jawatankuasa Rayuan hendaklah dibuat secara sebulat suara atau melalui ketetapan majoriti anggota Jawatankuasa Rayuan.

(4) Pengerusi Jawatankuasa Rayuan, anggota Jawatankuasa Rayuan dan setiausaha Jawatankuasa Rayuan hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan

31. (1) Apabila menerima laporan yang dikemukakan oleh Setiausaha di bawah subperaturan 29(4), pengerusi Jawatankuasa Rayuan hendaklah menyebabkan suatu Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan diadakan bagi mempertimbangkan rayuan itu.

(2) Jawatankuasa Rayuan hendaklah mempertimbangkan sesuatu rayuan semata-mata atas alasan rayuan itu tanpa menerima apa-apa pernyataan lanjut.

(3) Setelah mempertimbangkan rayuan itu, Jawatankuasa Rayuan boleh—

- (a) mengekalkan keputusan Jawatankuasa;
- (b) mengesahkan keputusan Jawatankuasa tentang salah laku Pemegang Tauliah tetapi mengubah keputusan Jawatankuasa tentang penarikan balik atau penggantungan Tauliah; atau
- (c) mengakas keputusan Jawatankuasa.

(4) Jika rayuan dibuat terhadap keputusan Jawatankuasa di bawah peraturan 28, penggantungan Tauliah di bawah subperaturan 26(10) hendaklah terus berkuat kuasa sehingga Jawatankuasa Rayuan membuat keputusan.

(5) Keputusan Jawatankuasa Rayuan adalah muktamad.

Kerahsiaan

32. Apa-apa aduan atau keterangan atau dapatan siasatan berhubung dengan aduan yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana orang selain Duli Yang Maha Mulia Sultan, mana-mana anggota Majlis, Jawatankuasa Rayuan, Jawatankuasa atau Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan.

Penggantungan atau penarikan balik Tauliah atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan

33. (1) Walau apa pun Bahagian ini, Jawatankuasa hendaklah, atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan, menggantung atau menarik balik sesuatu Tauliah yang dikeluarkan kepada seseorang Pemegang Tauliah.

(2) Peraturan 24, 25, 26, 27, 28, 29 dan 34 tidak terpakai bagi maksud penggantungan atau penarikan balik suatu Tauliah di bawah subseksyen (1).

Kesan penggantungan dan penarikan balik Tauliah

34. (1) Jika mana-mana Pemegang Tauliah yang Tauliahnya telah digantung oleh Jawatankuasa di bawah peraturan 26 membuat permohonan membaharui Tauliah atau permohonan untuk menambah kategori Tauliah, permohonan itu hanya boleh diputuskan oleh Jawatankuasa selepas tamat tempoh penggantungan Tauliah itu.

(2) Seseorang yang Tauliahnya telah ditarik balik di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh membuat permohonan semula bagi Tauliah mengikut prosedur sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan 15 selepas dua belas bulan dari tarikh kuat kuasa penarikan balik Tauliah itu.

BAHAGIAN V**PENGECUALIAN****Permohonan pengecualian**

35. (1) Majlis boleh, atas syor Jawatankuasa, mengecualikan mana-mana orang di bawah perenggan yang berikut daripada kehendak mendapatkan Tauliah:

- (a) Menteri dan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mana-mana negeri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal Islam;
- (b) mufti mana-mana negeri;
- (c) ketua hakim syarie, hakim syarie dan pendaftar bagi semua peringkat mahkamah syariah di mana-mana negeri;
- (d) ketua pendakwa syarie mana-mana negeri;
- (e) anggota Majlis Agama Islam mana-mana negeri;
- (f) Setiausaha bagi Majlis Agama Islam mana-mana negeri dan ketua bagi Jabatan Agama Islam mana-mana negeri;
- (g) Pegawai Hal Ehwal Islam dalam perkhidmatan awam Persekutuan atau Negeri; dan
- (h) mana-mana orang yang diundang untuk mengajar oleh penganjur dari kalangan orang yang—
 - (i) memegang sesuatu jawatan di mana-mana jabatan atau agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa awam untuk menyampaikan maklumat berkenaan dengan profesion atau fungsi sesuatu agensi atau badan yang mempunyai kaitan dengan apa-apa aspek agama Islam; atau
 - (ii) yang mempunyai kepakaran tertentu berhubung dengan agama Islam,

dengan syarat bahawa undangan itu tidak melibatkan pengajaran agama Islam secara berkala.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat melalui apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

(3) Permohonan pengecualian bagi orang di bawah perenggan (1)(h) hendaklah dibuat oleh penganjur dan disertakan dengan—

(a) salinan dokumen pengenalan diri orang yang dijemput untuk mengajar;

(b) gambar terkini berukuran pasport orang yang dijemput untuk mengajar; dan

(c) apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh Majlis.

(4) Penganjur hendaklah mengemukakan permohonan di bawah subperaturan (3) kepada Majlis melalui Pengerusi Jawatankuasa sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum tarikh aktiviti mengajar itu.

(5) Majlis boleh menetapkan apa-apa syarat dan tempoh bagi pengecualian yang diberikan di bawah subperaturan (1).

(6) Setiausaha hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pengecualian mengikut keputusan Majlis.

(7) Bagi maksud peraturan ini, “penganjur” ertinya—

(a) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau jabatan atau agensinya; atau

(b) mana-mana orang yang diberi kuasa untuk mentadbir sesuatu masjid atau surau.

Pengecualian daripada Peraturan-Peraturan

36. Walau apa pun apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini, orang yang berikut adalah dikecualikan daripada kehendak untuk mendapatkan Tauliah di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(a) Mufti dan anggota Jawatankuasa Fatwa;

(b) Pengerusi Majlis dan anggota Majlis;

(c) Ketua Hakim Syarie;

(d) Ketua Pendakwa Syarie;

(e) Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor;

(f) Setiausaha Majlis;

(g) Pegawai Tadbir Agama bagi mana-mana daerah di Negeri Selangor;

- (h) Tenaga pengajar yang mengajar apa-apa aspek agama Islam di mana-mana sekolah atau sekolah Islam atau Institusi Pelajaran Tinggi atau institusi pendidikan tinggi swasta, tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa yang membenarkan pengajaran oleh tenaga pengajar itu; dan
- (i) Mana-mana Pegawai Masjid atau pekhidmat yang dilantik bagi sesuatu masjid atau surau yang ditugaskan untuk mengajar dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen atau tauliah pelantikannya.

BAHAGIAN VI

KEWAJIPAN PEMEGANG TAULIAH DAN ORANG YANG MENDAPAT PENGECUALIAN

Kewajipan Pemegang Tauliah

37. Seseorang Pemegang Tauliah atau orang yang mendapat pengecualian di bawah peraturan 35 hendaklah—

- (a) mengajar apa-apa aspek agama Islam berdasarkan al-Quran, al-Sunah, ijmak dan qias mengikut pegangan Ahli Sunah Waljamaah;
- (b) berakhlak mulia;
- (c) menjalankan daya usaha untuk mengekalkan, memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat Islam dan menggalakkan orang Islam meninggikan taraf hidup dan ekonomi serta menambahkan amalan dan *takwa* mereka kepada Allah;
- (d) tidak menfitnah saudara Islam yang lain; dan
- (e) mematuhi undang-undang atau apa-apa arahan, larangan atau perintah yang diberikan oleh Majlis dan Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN VII

AM

Pembatalan

38. Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 [Sel. P.U. 22/2008] (selepas ini disebut sebagai “Peraturan dibatalkan”), dibatalkan.

Kecualian dan peralihan

39. (1) Apa-apa perkara yang berbangkit daripada sesuatu permohonan atau pengeluaran Tauliah yang masih belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah diuruskan dengan mengguna pakai tatacara yang ditetapkan oleh Peraturan dibatalkan seolah-olah undang-undang itu masih berkuat kuasa.

(2) Mana-mana Tauliah atau notis pengecualian yang telah diberikan menurut kuasa di bawah Peraturan dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh Tauliah atau perakuan pengecualian yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), mana-mana notis pengecualian yang telah diberikan tanpa penetapan apa-apa tempoh menurut kuasa di bawah Peraturan dibatalkan hendaklah terbatal selepas dua belas bulan dari tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(4) Mana-mana kebenaran sementara yang telah diberikan menurut kuasa di bawah Peraturan dibatalkan hendaklah terbatal pada tarikh kuat kuasa Peraturan-peraturan ini.

(5) Apa-apa tindakan yang belum selesai berhubung dengan penggantungan atau penarikan balik Tauliah atau hak pendengaran yang dibuat menurut kuasa di bawah Peraturan dibatalkan hendaklah diuruskan dengan mengguna pakai tatacara peruntukan undang-undang yang dibatalkan itu.

(6) Mana-mana orang yang, sebaik sebelum berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini, ialah Pengerusi, Timbalan Pengerusi, anggota Jawatankuasa dan Setiausaha yang dilantik oleh Majlis hendaklah, tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, terus menjadi Pengerusi, Timbalan Pengerusi, anggota Jawatankuasa dan Setiausaha sehingga tamat tempoh pelantikannya.

JADUAL PERTAMA

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

PERATURAN-PERATURAN TAULIAH BAGI PENGAJARAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2024

[SUBPERATURAN 13(1)]

KATEGORI TAULIAH

Kategori	Butir-Butir
M1	Tauliah Mengajar Berkitab yang membenarkan pemegangnya mengajar agama Islam secara berkala di mana-mana premis.
M2A	Tauliah Mengajar Al-Quran yang membenarkan pemegangnya mengajar keseluruhan aspek kemahiran Al-Quran di mana-mana premis.
M2B	Tauliah Mengajar Al-Quran yang membenarkan pemegangnya mengajar kemahiran asas Al-Quran di mana-mana premis.
M3	Tauliah Mengajar Umum yang membenarkan pemegangnya memberi ceramah umum berhubung dengan apa-apa aspek agama Islam di mana-mana premis.

Kategori	Butir-Butir
M4	Tauliah Mengajar Bidang Khusus yang membenarkan mana-mana individu yang tidak memiliki kelayakan seperti yang ditetapkan dalam perenggan 14(1)(d) untuk mengajar bidang tertentu di mana-mana premis.

JADUAL KEDUA

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003PERATURAN-PERATURAN TAULIAH BAGI PENGAJARAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2024

[SUBPERATURAN 15(2)]

FI

Butir-Butir	Fi (RM)
Permohonan Tauliah:	
1. Permohonan baharu	20.00
2. Penambahan kategori	20.00
3. Membaharui tempoh sah Tauliah:	
(a) jika dibuat tidak lewat daripada tiga bulan sebelum tarikh tamat sah Tauliah; atau	20.00
(b) jika dibuat lewat daripada tiga bulan sebelum tarikh tamat sah Tauliah.	30.00
4. Perakuan Tauliah	50.00

Dibuat 9 Julai 2024

[MAIS.100-1/2/1; PU.SEL.ADV. AM00011/19 (SY)]

TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF
Pengerusi
Majlis Agama Islam Selangor

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE
OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

TAULIAH FOR ISLAMIC TEACHING (STATE OF SELANGOR)
REGULATIONS 2024

ARRANGEMENT OF REGULATION

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

TAULIAH COMMITTEE

3. Membership of *Tauliah* Committee
4. Tenure of office
5. Termination of appointment
6. Revocation of appointment
7. Appointment of replacement for member of the Committee
8. Deputy Chairman
9. Record of Register
10. Allowance
11. Functions of the Committee
12. Meetings of the Committee

PART III

CATEGORY OF *TAULIAH*, QUALIFICATION, ETC.

13. Category of *Tauliah*
14. Qualification of *Tauliah* applicant
15. Procedure on application for *Tauliah* by person who fulfils the qualification
16. Procedure on application for *Tauliah* by person who does not fulfil the qualification
17. Procedure on issuance of *Tauliah*

Regulation

18. Appointment of Interview Panel
19. Validity period of *Tauliah*
20. Procedure on renewal of validity period of *Tauliah*
21. Surrender of *Tauliah*

PART IV

SUSPENSION OR WITHDRAWAL OF *TAULIAH*

22. Power of the Committee to suspend or withdraw *Tauliah*
23. Complaint and Investigation Panel
24. Complaint
25. Complaint and Investigation Subcommittee
26. Investigation
27. Penalty
28. Decision of the Committee
29. Appeal
30. Membership of Appeal Committee
31. Meetings of Appeal Committee
32. Confidentiality
33. Suspension or withdrawal *Tauliah* on the command of His Royal Highness the Sultan
34. Effects of suspension and withdrawal of *Tauliah*

PART V

EXEMPTION

35. Application for exemption
36. Exemption from Regulations

PART VI

OBLIGATIONS OF *TAULIAH* HOLDER AND PERSONS OBTAINING EXEMPTION

37. Obligations of *Tauliah* Holder

PART VII

GENERAL

Regulation

38. Revocation

39. Saving and transitional

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF
SELANGOR) ENACTMENT 2003

TAULIAH FOR ISLAMIC TEACHING (STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 118(4) of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 1/2003*], the Majlis Agama Islam Selangor makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

